



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI PERHUTANAN KANAN (B.3)
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PEGAWAI PERHUTANAN KANAN
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian.

- *Biologi;*
- *Biological Science*
- *Botani*
- *Environmental Science / Studies*
- *Forest Vegetation*
- *Natural Resource Conservation*
- Perhutanan
- *Science Forestry*
- *Science in Conservation and Forest Ecosystem*
- *Wood Science*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.


ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Pegawai Perhutanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan Perhutanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



ATAU

- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- 3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM

1. Menjadi Ketua Bahagian dan melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan Bahagian yang diaturkan;
2. Menyediakan peruntukan tahunan dan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara untuk Bahagian yang diaturkan;
3. Menyediakan program-program stimulas bagi meningkatkan hasil Jabatan;
4. Membuat rancangan kerja, melaksanakan / menyelaras apa jua projek Jabatan termasuk projek anjuran bersama Agensi Luar Negara, projek pihak swasta dan seterusnya membuat pemantauan projek tersebut;
5. Menyelaras hal ehwal kakitangan mengenai peningkatan kerjaya dan produktiviti pencapaian sasaran dan menjayakan TPOR; dan
6. Melaksanakan promosi dan pengembangan hal ehwal Jabatan dan juga menguatkuasakan undang-undang Perhutanan;

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

1. Menyelaras permohonan peruntukan tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara bagi Jabatan;
2. Menyediakan kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan meningkatkan hasil Jabatan, Dasar dan Perancangan;



3. Menyediakan laporan-laporan teknikal yang berkaitan dengan Jabatan Perhutanan dan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa;
4. Menyediakan surat pesambah bagi setiap laporan tahunan, dasar-dasar dan penelitian Akta Hutan, Seksyen 46;
5. Memantau program-program stimulas juga *Key Performance Indicators (KPI)* aktiviti-aktiviti Perhutanan bagi meningkatkan hasil Jabatan; dan
6. Memantau *progress* keberkesanan *Account Manager*.

BAHAGIAN INDUSTRI PERKAYUAN

1. Menyediakan program-program Pensijilan Hutan;
2. Menyediakan program-program *business matching* dalam meningkatkan industri hiliran; dan
3. Menyediakan program-program meningkatkan produk perkayuan bagi pasaran dalam negeri.

BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

1. Menyelaras program-program ladang hutan serta penyulaman;
2. Menyediakan pemilihan pokok-pokok yang bersesuaian yang akan ditanam bagi tempoh yang dirancang; dan
3. Melaksanakan inisiatif-inisiatif program *Non-Timber Forest Products*.